

02 NOV 2001

Mahathir-Bush

DR MAHATHIR TULIS SURAT KEPADA PRESIDEN BUSH HENTI SERANGAN

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghantar surat kepada Presiden Amerika Syarikat George W. Bush menggesa negara itu menghentikan segera tindakan mengebom Afghanistan.

"Saya sedang menulis surat kepada Presiden Bush meminta Amerika Syarikat supaya menghentikan pengeboman di Afghanistan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Beliau berkata pada perjumpaannya dengan para anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) di pejabatnya di Putrajaya pagi ini, isu mengenai pengeboman Afghanistan itu turut dibangkitkan dan Dr Mahathir memberitahu mereka bahawa beliau sedang menulis surat kepada Bush mengenainya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata beliau akan memberikan penjelasan mengenai pandangan pemimpin-pemimpin dunia terhadap isu keganasan, mengenai penganas dan juga pendirian Malaysia, pada seminar dua hari anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) mengenai isu itu mulai 16 Nov.

Beliau berkata ISIS telah diminta mengadakan seminar itu sebagai langkah permulaan terhadap mencapai pendirian bersama semua pihak, termasuk parti-parti pembangkang, mengenai isu keganasan.

"Umno akan ambil bahagian (dalam seminar itu) dan memberi input Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata selepas seminar itu satu pendirian bersama menentang keganasan dapat dinyatakan.

Katanya kini telahpun wujud pendirian bersama semua parti politik di negara ini mengenai isu keganasan, dan mereka turut mengutuk tindakan Amerika Syarikat menyerang Afghanistan.

"Tetapi yang berbeza adalah ada pihak mengadakan demonstrasi dan ada pula yang tidak," katanya.

Beliau menjawab soalan pemberita mengenai cadangan DAP supaya satu rundingan diadakan di kalangan pemimpin parti politik di negara ini bagi membincangkan isu itu supaya satu kata sepakat dapat dicapai.

Mengenai perjumpaannya dengan para anggota Parlimen BN, Perdana Menteri berkata beliau akan mengeluarkan satu kenyataan mengenai pertemuan itu.

Dr Mahathir berkata semua masalah yang menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan anggota Parlimen telah diselesaikan pada perjumpaan itu.

Ini termasuk soal tidak puashati dengan menteri (yang dibangkitkan anggota Parlimen Kinabatangan Datuk Bung Moktar Radin ketika perbahasan di Dewan Rakyat) sudah diberikan penjelasan, katanya.

Beliau berkata mesyuarat MT hari ini antara lain turut membincangkan usaha menambah anggota Umno sebanyak 10 peratus bagi menggantikan jumlah yang semakin susut berikutan kematian dan perkara-perkara lain.

Bagaimanapun keanggotaan Umno tidak termasuk anggota Puteri Umno, kerana ia dikira berasingan, katanya.

Menurut presiden Umno itu, keanggotaan Puteri Umno dilaporkan kini berjumlah kira-kira 84,000, dan borang keanggotaan yang telah siap diproses dan diserahkan kepada Ibupejabat Umno ialah sebanyak 38,000.

-- BERNAMA

HK HK RON